

# Kesal tindakan dihebohkan

PESILAT Nasional, Abdul Talib Tambi, kesal isu pemecatan jurulatih nasional, Mohd Hosni Ahmad, di-besar-besarkan.

Menurut Talib, beliau tidak menafikan hak Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk mengambil tindakan ke atas anggotanya.

Tetapi, pada pendapat Talib, sewajarnya sebarang tindakan dan keputusan hanya diberitahu dan diedarkan di kalangan kerabat sahaja.

"Saya terkejut dan kesal apabila membaca berita Wak Hosni dilucutkan jawatannya dalam akhbar," kata Talib ketika dihubungi kelmarin.

Talib merupakan pesilat yang disebut oleh Persisi sebagai 'orang tengah' yang telah menyampaikan salam Hosni kepada Sheik Alaud-din Ya'acob, agar Sheik 'mengalahkan diri' dalam pertandingan akhir Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara di Manila, baru-baru ini.

Ketika ditanya mengenai perkara tersebut, Talib mengakui sambil berkata: "Benar, saya ada ditemui oleh Wak (panggilan akrab kepada Hosni) untuk menyampaikan salam kepada Sheik.

"Bagaimanapun, dalam keadaan terburu-buru kerana kami akan berangkat ke tempat pertandingan, saya tidak menimbangkan apa yang dikatakan oleh Wak itu sama ada serius atau gurauan semata-mata."



**HOSNI:** Dipecat akibat tindakan disiplin Persisi.

Talib selanjutnya menyatakan beliau hanya menyampaikan salam tersebut kepada Sheik dan berkata lagi: "Terpulang kepada Sheik sama ada menganggapnya satu gurauan atau serius."

Pesilat yang pernah mewakili Singapura ke Sukan SEA 1987 di Jakarta, Kejohanan Dunia di Belanda dan Terbuka Malaysia di Kuala Lumpur tahun lalu, Talib selanjutnya mengakui bahawa ini adalah kali pertama beliau berhadapan dengan masalah seumpama ini.

"Saya memang terkejut dengan salam Wak yang minta disampaikan kepada Sheik. Tetapi sebagaimana yang saya nyatakan awal tadi, terpulang kepada si pengirim dan yang menerimanya untuk memikirkannya," tam-

27 DEC 1991

bah Talib ketika ditanya mengenai reaksinya apabila ditemui oleh Hosni untuk menyampaikan salam tersebut.

Pesilat itu juga mengakui Presiden Persisi, Haji Abdul Rahman Ismail, yang turut berada di Manila, telah menemuinya untuk mendapat penjelasan mengenai kedudukan perkara ini.

"Saya memberitahu yang sama kepada presiden Persisi itu," tegas Talib.

Begitupun, beliau meminta presiden Persisi itu agar segala keputusan mengenai penyiasatan perkara tersebut, yang dianggapnya sebagai masalah dalam keluarga, jangan dibesar-besarkan.

Persisi telah melucutkan Hosni dari jawatan jurulatih nasional atas kesalahannya kerana meminta pesilat nasional, Talib, menyampaikan salam kepada Sheik agar tewas dalam perlawanan akhir.

Hosni juga didapati melanggar peraturan kerana menginap dalam bilik hotel anaknya, Badriah Hosni, yang merupakan salah seorang pesilat Singapura dalam kejohanan di Manila itu, tanpa kebenaran.

Selain dari Hosni, Persisi juga menggantung jawatan Jasni Salam dalam Jawatan-kuasa Pentadbir Persisi.

Badriah, selaku penerima anugerah Program Bantuan Kecemerlangan dalam Sukan (SEAP), tidak akan dicalonkan lagi untuk menerima anugerah tersebut.

— MOHD SANI ALI.